

Bajet 2017: Beri peruntukan lebih kepada agensi promosi

Oleh **LUQMAN HAZIQ**
ekonomi@utusan.com.my

SINGAPURA 20 Okt. - Kerajaan diminta memberi peruntukan yang lebih besar kepada agensi-agensi promosi dalam sektor perdagangan, pelaburan dan pelancongan pada Bajet 2017.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri

Mustapa Mohamed berkata, perkara itu harus diberi tumpuan dan pertimbangan sewajarnya bagi menarik lebih banyak pelaburan serta pelancong ke negara ini.

"Program promosi ini perlu dilakukan dengan agresif dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang. Kita perlu memperkukuhkan jenama Malaysia di peringkat global.

"Apabila kita dapat meningkatkan sektor perdagangan, pelaburan dan pelancongan, sekali gus dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang kita," katanya ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan usahawan dan pekerja Malaysia di Agro Bazar, malam tadi.

Beliau berkata, dalam keadaan ekonomi yang mencabar seka-

rang, sektor perdagangan dan pelancongan termasuk pelancong kesihatan mesti diperkasakan untuk menarik lebih ramai pengunjung negara ini.

"Misalnya, dalam bidang pelancongan, kesannya dapat dilihat dalam masa singkat dan serta-merta serta mampu menggerakkan pelbagai sektor lain seperti perhotelan, pengangkutan dan restoran.

"Apabila sektor ini berkembang, sekali gus dapat menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat yang mampu merangsang perbelanjaan untuk menggerakkan ekonomi," katanya.

Bajet 2017 dijadual dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat, esok.

UM 21/10